

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**LAPORAN AKHIR
VOT PENYELIDIKAN 71967**

***GIS APPLICATION FOR SCHOOL INFORMATION AND
MANAGEMENT SYSTEM***
**(APLIKASI GIS UNTUK SISTEM MAKLUMAT
DAN PENGURUSAN SEKOLAH)**

**ZAMRI ISMAIL
MOHAMAD NOR SAID**

JANUARY, 2007

ULASAN KETUA PROJEK DAN PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat yang Esa, akhirnya projek penyelidikan fundamental vot 71967 yang bertajuk "GIS Application for School Information and Management System" telah siap sepenuhnya.

Projek pangkalan data ini telah berjaya dibangunkan mengikut jangka masa yang telah ditetapkan. Sistem pangkalan data ini sememangnya boleh dijadikan panduan dan sumber maklumat yang penting kepada pelbagai pihak, khususnya pihak Sekolah Kebangsaan Sri Skudai dalam memudahkan pengurusan dan penyelenggaraan pentadbiran sekolah supaya lebih teratur dan efisien.

Terima kasih kepada pembantu-pembantu penyelidik saya, saudari Nor Suhaiza dan saudara Mohamad Firdaus, yang telah banyak menyumbang dan membantu dalam menyiapkan kajian ini, terutamanya dalam membuat kutipan data di lapangan dan menyediakan data spatial. Tidak lupa juga kepada semua yang telah membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Terima kasih juga kepada pihak Sekolah Kebangsaan Sri Skudai, Guru Besar, Encik Mohamad Khir, Penolong Kanan, Puan Azizah, Pengerusi PIBG, Prof. Madya Dr. Miswan @ Abdul Hakim Mohamed, guru-guru serta kakitangan sekolah yang telah menyumbang data dan maklumat sehingga kajian ini dapat disiapkan dengan baik.

Penghargaan juga diucapkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UTM kerana telah memberikan peruntukan kewangan bagi melaksanakan projek ini.

Sekian terima kasih.

ZAMRI ISMAIL
Ketua Projek
VOT 71967

KANDUNGAN:

ABSTRAK	7
ABSTRACT	8
 Bab I: PENDAHULUAN	
 1.1 Pengenalan	9
1.2 Penyataan Masalah	10
1.3 Tujuan	11
1.4 Objektif	12
1.5 Skop	12
1.5.1 Batasan Kerja	12
1.5.2 Kawasan Kajian	13
1.5.3 Data	14
1.5.4 Perisian	15
 1.6 Sumbangan Penyelidikan	15
1.7 Metodologi	16
 Bab II: KAJIAN LITERATUR	
 2.1 Sistem Maklumat Geografi (GIS)	19

2.2 GIS Sebagai Kotak Alatan (Toolbox)	21
2.3 GIS Sebagai Sistem Maklumat (Information System)	21
2.4 GIS Sebagai Pendekatan Kepada Sains	23
2.5 Rekabentuk Pangkalan Data Dalam Sistem Kitaran Hidup Maklumat	23
2.6 Konsep Pangkalan Data	26
2.7 Pengenalan Terhadap Penyediaan Data	27
2.8 Sistem Pendidikan	28
2.8.1 Sistem Pendidikan Kebangsaan	28
2.8.2 Sekolah Rendah	30
2.8.3 Sekolah Berkesan/Sekolah Harapan Negara	30
2.8.4 Definisi Sekolah Berkesan	31
2.8.5 Pengertian Sekolah Berkesan Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia	31
2.8.6 Kementerian Pendidikan Malaysia	33
2.8.7 Falsafah Pendidikan Negara	34
2.8.8 Jabatan Pendidikan Johor	34
2.8.9 Sekolah Kebangsaan Sri Skudai	36
2.9 Kajian-kajian Terdahulu	38
2.9.1 Menentukan perletakan kemudahan awam (Sekolah) dengan menggunakan GIS	39
2.9.2 Sistem GIS untuk Sekolah	40
2.9.3 Pengurusan Fasiliti di Sekolah Awam Detroit	43

Bab III: METODOLOGI

3.1 Pengenalan	45
3.2 Kajian Keperluan Pengguna	46
3.3 Rekabentuk Pangkalan Data	47

3.3.1	Rekabentuk Konseptual	47
3.3.2	Rekabentuk Logikal	48
3.3.3	Rekabentuk Fizikal	50
3.4	Pengumpulan dan Penyediaan Data	51
3.4.1	Pengumpulan dan Penyediaan Data Spatial	51
3.4.2	Pengumpulan dan Penyediaan Data Atribut	52
3.4.3	Penyuntingan Data Spatial	53
3.4.3.1	Pembersihan data dan pembinaan topologi dalam perisian <i>ArcInfo 8 (Workstation).</i>	54
3.5	Pembangunan Pangkalan Data	58
3.5.1	Kemasukan Data	59
3.5.2	Rekabentuk Antaramuka Pengguna	63
3.5.2.1	Dialog Password	64
3.5.2.2	Menu Lencana, Bendera Sekolah, Lagu Negaraku dan Lagu Sekolah	67
3.5.2.3	Menu Graf UPSR	69
 Bab IV: HASIL KAJIAN		
4.1	Pengenalan	73
4.2	Pangkalan Data	73
4.2.1	Pangkalan Data Spatial	74
4.2.2	Pangkalan Data Atribut	81

SENARAI RAJAH:

Bab I: Pendahuluan

Rajah	Tajuk
1.1	Lokasi Kajian
1.2	Proses Rekabentuk dan Pembangunan Pangkalan Data GIS-SKSS

Bab II: Pengenalan Kepada Sistem Maklumat Geografi (GIS)

Rajah	Tajuk
2.1	Sistem Maklumat Secara Ringkas, <i>Sumber: Ruslan et al (1998;17)</i>
2.2	Kitaran Hidup Sistem Maklumat Mengikut <i>Batini et al, (1992)</i>

Bab III: Metodologi

Rajah	Tajuk
3.1	ER Diagram Sistem
3.2	Kotak Dialog <i>Add Theme</i>
3.3	Kotak Dialog <i>Field Definition</i>
3.4	Sampel Data Yang Telah Dimasukkan Menjadi Satu Pangkalan Data Yang Lengkap
3.5	Paparan Data Yang Telah Di-Select Bersama-Sama Atributnya
3.6	Peringkat Kemasukan Data Spatial ke Perisian ArcView 3.2
3.7	Persekitaran Pengaturcaraan <i>Avenue</i> di dalam ArcView 3.2
3.8	Rekabentuk tettingkap <i>Password</i>
3.9	<i>Avenue</i> script yang dipanggil selepas pengumpulan kata laluan pada tettingkap <i>Password</i>
3.10	<i>Avenue</i> script untuk panggil maklumat Lencana Sekolah
3.11	<i>Avenue</i> script untuk panggil maklumat Bendera Sekolah
3.12	<i>Avenue</i> script untuk Mainkan muzik (lagu Negaraku)
3.13	<i>Avenue</i> script untuk Mainkan muzik (lagu Sekolah)
3.14	Pengaturcaraan <i>Avenue</i> script untuk paparan graf keputusan UPSR

Bab IV: Hasil Kajian

Rajah	Tajuk
4.1	Data Spatial Yang Menunjukkan Kawasan Sekolah
4.2	Data Spatial Yang Menunjukkan Landskap Sekolah
4.3	Data Atribut Bagi Aras 3 Blok D
4.4	Data Atribut Bagi Aras Bawah Blok A
4.5	Data Atribut Bagi Sekolah Di Sekitar Kawasan Kajian
4.6	Data Atribut Bagi Kawasan Sekolah
4.7	Data Atribut Bagi Sekolah di sekitar kawasan kajian
4.8	Paparan Tetingkap Awal dan Tetingkap Kata Laluan bagi Sistem
4.9	Paparan Tetingkap Menunjukan peta Malaysia Secara Umum
4.10	Fungsi <i>zoom</i>
4.11	Layer Jalan Raya Dipaparkan Pada Peta Selepas Menggunakan Fungsi <i>Zoom</i>
4.12	Fungsi <i>zoom</i> digunakan untuk melihat peta negeri Johor
4.13	Kawasan Sekolah Kebangsaan Sri Skudai (SKSS)
4.14	Terdapat menu-menu dan <i>toolbar menu</i> baru yang ditambah pada sistem
4.15	Maklumat skala peta dan koordinat <i>cursor</i> semasa pada sistem
4.16	Menu FAIL
4.17	Lapisan Data atau Theme
4.18	Tetingkap selesai kemaskini
4.19	Menu MENU
4.20	Menu Profil Sekolah
4.21	Latar belakang Sekolah
4.22	Visi Sekolah
4.23	Misi Sekolah
4.24	Objektif Sekolah
4.25	Matlamat Sekolah
4.26	Falsafah Sekolah
4.27	Bendera Sekolah
4.28	Lagu Sekolah
4.29	Lencana Sekolah
4.30	Senarai guru besar
4.31	Graf pencapaian UPSR
4.32	Menu CARIAN
4.33	Antaramuka Carian Biasa

ABSTRAK

Sejajar dengan perkembangan dunia yang menuju ke era teknologi maklumat, aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) berfungsi sebagai suatu alat yang penting dalam proses penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Disebabkan itu, sebuah sistem maklumat pengurusan bagi Sekolah Kebangsaan Sri Skudai telah dibangunkan untuk memudahkan pengurusan dan pentadbiran sekolah. Ini berikutan daripada beberapa masalah yang timbul daripada kerja-kerja pengurusan dan pentadbiran sekolah yang masih lagi menggunakan kaedah manual. Terdapat juga kekurangan suatu sistem yang boleh mengintegrasikan data-data atribut dan data-spatial di dalam perancangan dan pengurusan. Selain itu, maklumat-maklumat asas dan sokongan yang diperlukan biasanya disimpan di banyak tempat, seterusnya menimbulkan masalah apabila hendak mendapatkan maklumat yang memerlukan penyepaduan daripada pelbagai data-data asas tersebut. Penyelidikan ini dilakukan bertujuan untuk menghasilkan satu sistem pengurusan maklumat, penyelenggaraan, dan perancangan di Sekolah Kebangsaan Sri Skudai menerusi perisian *ArcView 3.2* serta mengkaji keberkesanan penggunaannya dalam pembantu pihak sekolah dalam melakukan kerja-kerja harian mereka. Pembangunan sistem maklumat geografi ini bermula dengan menjalankan kajian keperluan pengguna, merekabentuk pangkalan data, pengumpulan dan penyediaan data, pembangunan pangkalan data dan seterusnya pengujian pangkalan data. Akhirnya, satu sistem maklumat pengurusan Sekolah Kebangsaan Sri Skudai dapat dihasilkan.

ABSTRACT

In line with the development of the whole wide world which is focusing on the information technology era, the Geographic Information System applications acts as an important tool in problem solving and decision making. Thus, a GIS application for school information and management system was developed for Sekolah Kebangsaan Sri Skudai in order to facilitate the management and administration of the school. This is due to certain problems faced by the school that arise from the manually conducted management and administration process. There is also a lack of an ideal system that is able to integrate all the attribute and spatial data for planning and management. Other than that, the basic and additional data of the school is usually stored in a lot of different places, making it hard for the school when the combination and integration of these data is needed to deal with certain problems or situations. Therefore, this research was conducted in order to develop an information system that plans and manages the administration of Sekolah Kebangsaan Sri Skudai through the ArcView 3.2 software, and also to study the effectiveness of its application. The development of this system starts off with conducting a user requirement study, designing a database, data collection, database development and testing the database. In the end, the GIS application for school information and management system for Sekolah Kebangsaan Sri Skudai was developed.

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Di era yang serba maju ini, teknologi maklumat menjadi semakin penting berikutan kelebihan dalam pelbagai aktiviti maklumat. Ini termasuklah keupayaan teknologi yang mampu untuk menghantar, menerima, mengurus, menganalisis dan sebagainya terhadap data dan juga maklumat yang ada. Teknologi maklumat kini diakui sebagai teknologi penggerak yang strategik bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan juga meningkatkan kualiti hidup penduduknya.

Kemunculan teknologi maklumat ini kemudiannya telah mencetuskan suatu sistem yang lebih efisien dan efektif iaitu Sistem Maklumat Geografi (GIS). Sistem ini mampu menganalisis data dan maklumat serta melakukan paparan maklumat spatial dan atribut. Lantaran itu terdapat banyak aplikasi yang menggunakan sistem

sebegini sama ada dalam bidang harta tanah, pertahanan, pengairan, pertanian, pembangunan serta dalam kerja-kerja pengurusan dan pentadbiran.

Sehubungan dengan itu satu lagi aplikasi yang boleh digunakan bersama-sama Sistem Maklumat Geografi ialah dalam pengurusan dan pentadbiran sesebuah sekolah khususnya *Sekolah Kebangsaan Sri Skudai*. Satu sistem yang menepati keperluan wajar dibangunkan untuk tujuan tersebut kerana pentadbiran sekolah perlu diurus dan diselenggara sebaik dan sekerap mungkin termasuklah dari segi kemudahan, keindahan, harta benda, kebersihan, pentadbiran dan sebagainya. Ini adalah penting kerana melibatkan para pelajar serta guru-guru dalam mewujudkan proses pembelajaran yang lebih sistematik.

1.2 Penyataan Masalah

Dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran ini misalnya pengurusan harta benda, kebanyakan agensi-agensi atau jabatan-jabatan tertentu pada masa kini masih menjalankan kerja hariannya dengan menggunakan kaedah manual, iaitu pencapaian maklumat sama ada maklumat spatial ataupun atribut adalah secara tradisional. Kekurangan satu sistem yang mengintegrasikan kedua-dua data tersebut dalam keadaan yang membolehkan penyimpanan, pengurusan, analisis dan persembahan maklumat secara efektif mewujudkan banyak masalah dan kekangan terhadap kerja-kerja perancangan dan pengurusan.

Dari aspek data, kerja-kerja pengurusan dan pentadbiran memerlukan banyak sumber maklumat sama ada maklumat asas atau sokongan seperti butiran geografi,

grafik, dan teks untuk mengawal kualiti kerja dan pentadbirannya. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang, maklumat-maklumat tersebut disimpan di banyak tempat, pada berbagai media dan dalam pelbagai format. Justeru itu, masalah timbul apabila kombinasi maklumat diperlukan untuk menyokong sebarang keputusan, iaitu maklumat mungkin kurang tepat, tidak dalam format yang memuaskan, kekurangan informasi yang diperlukan, wujud dalam pecahan-pecahan bahagian serta memakan masa yang lama untuk dijana. Kehadiran GIS mampu memberikan satu kemudahan untuk mengatasi sebarang kekurangan yang telah dinyatakan. Salah satu keupayaan GIS adalah dalam menyimpan dan menguruskan kedua-dua data digital kartografi dan pangkalan data maklumat atribut serta membolehkan data-data tersebut dimanipulasikan secara serentak.

1.3 Tujuan

Penyelidikan ini dilakukan bertujuan untuk menghasilkan satu sistem pengurusan maklumat, penyelenggaraan, dan perancangan di sekolah menerusi perisian *ArcView* 3.2 serta mengkaji keberkesanan penggunaannya dalam pembantu pihak sekolah dalam melakukan kerja-kerja harian mereka.

1.4 Objektif

Objektif kajian ini adalah;

1. Merekabentuk serta memodelkan satu pangkalan data GIS bagi data-data inventori, pentadbiran dan lanskap sekolah.
2. Membangunkan satu sistem GIS bagi data-data tersebut.
3. Menghasilkan antaramuka pengguna yang menarik dan efektif.

1.5 Skop


Skop kajian yang terlibat dalam sistem yang akan dibangunkan ini merangkumi had penyelidikan yang akan dilakukan seperti berikut:

1.5.1 Batasan Kerja

Penyelidikan ini meliputi pembangunan sistem dengan menggunakan perisian GIS dimana ia hanya melibatkan pengurusan data-data penyelenggaraan, pentadbiran serta lanskap sekolah. Penyelidikan ini juga terhadap pemaparan maklumat spatial dan atribut dengan analisis ringkas.

1.5.2 Kawasan Kajian

Kawasan kajian ialah di Sekolah Kebangsaan Sri Skudai. Sekolah ini terletak di kawasan Taman Sri Skudai di mana kedudukannya adalah berada di persimpangan Jalan Pontian ke Johor-Bahru. Di antara mercu tanda ataupun *landmark* bagi kawasan yang berhampiran dengan sekolah ini yang boleh dijadikan petunjuk adalah Sekolah Menengah Skudai dan Universiti Teknologi Malaysia. Sekolah ini dibina pada tahun 1983. Lokasi kawasan kajian secara umumnya ditunjukkan pada **Rajah 1**.



Rajah 1: Lokasi Kajian

1.5.3 Data

Data-data yang diperlukan merangkumi data atribut dan juga data spatial (ruang) mengikut spesifikasi berikut:

Data atribut

- Data-data inventori sekolah,
- Maklumat guru,
- Maklumat peralatan sukan,
- Maklumat pelajar,
- Profil sekolah,
- Maklumat bangunan.

Data spatial

- Sempadan Negara Malaysia,
- Sempadan Negeri-negeri,
- Sempadan Daerah Negeri Johor,
- Lot-lot (kadaster) Taman Universiti, Skudai,
- Bangunan sekolah,
- Taman Perumahan,
- Lanskap sekolah.

1.5.4 Perisian

Kajian ini dibangunkan dengan menggunakan beberapa perisian yang berbeza.

Perisian-perisian tersebut ialah:

- AutoCAD Map R2 - Pendigitan data spatial dilakukan dengan menggunakan perisian ini bagi mendapatkan hasil pendigitan yang tepat dan jitu.
- ArcView 3.2 - Perisian ini berfungsi sebagai perisian utama GIS yang menguruskan maklumat spatial dan juga maklumat bukan spatial.
- Microsoft Excel 2000 - Perisian ini pula melibatkan penyimpanan data atribut bagi entiti spatial yang terlibat.
- Avenue script – Skrip ini digunakan di dalam perisian GIS kajian, adalah bertujuan untuk membangunkan antaramuka kajian ini.

1.6 Sumbangan Penyelidikan


Penyelidikan di dalam kajian ini boleh memberikan beberapa sumbangan yang bermanfaat. Antaranya adalah:-

- i. Penyelidikan ini boleh bertindak sebagai satu projek perintis dalam mengkaji keberkesanan pemakaian aplikasi GIS dalam pengurusan dan pentadbiran maklumat sekolah.
- ii. Dengan mengimplimentasikan GIS di kawasan kajian, diharap kajian ini akan memberikan gambaran sebenar bagaimana GIS mampu membantu pihak tersebut didalam kerja-kerja yang berkaitan dengan kemasukan, pengurusan dan pengemaskinian maklumat geografi secara sistematik, tepat dan berkesan serta membolehkan capaian yang cepat kepada pertanyaan yang kompleks.
- iii. Sistem maklumat yang dibangunkan boleh digunakan oleh pihak *Sekolah Kebangsaan Sri Skudai* dalam mentadbir harta-harta serta mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan di sekolah tersebut

1.7 Metodologi

Kaedah kerja di dalam kajian ini melibatkan beberapa fasa (rujuk Rajah 1.2) seperti fasa pertama (Kajian keperluan pengguna), fasa kedua (Rekabentuk pangkalan data), fasa ketiga (Pengumpulan dan penyediaan data), fasa keempat (Pembangunan pangkalan data) dan akhir sekali ialah fasa kelima (Pengujian pangkalan data). Bagi fasa pertama, aktiviti-aktiviti yang terlibat ialah kajian keperluan pengguna terhadap pihak pentadbiran sekolah, kajian terhadap keperluan Sistem Maklumat Geografi dan juga Pangkalan Data GIS itu sendiri. Manakala bagi fasa kedua, aktiviti yang terlibat ialah Rekabentuk konseptual, Rekabentuk logikal dan akhir sekali Rekabentuk fizikal.

Bagi fasa ketiga iaitu Fasa pengumpulan dan penyediaan data, ia melibatkan aktiviti pengumpulan dan penyediaan data bagi data spatial dan juga atribut. Setelah selesai fasa yang ketiga, fasa keempat lebih tertumpu pada pembangunan pangkalan data dengan melibatkan aktiviti perlaksanaan pangkalan data, kemasukan data dan juga Rekabentuk antaramuka. Akhir sekali iaitu fasa kelima adalah pengujian pangkalan data yang dibangunkan.



Rajah 1.2 : Proses Rekabentuk dan Pembangunan Pangkalan Data GIS-SKSS

BAB II


KAJIAN LITERATUR

2.1 Sistem Maklumat Geografi (GIS)

Sistem maklumat geografi ataupun Geographic Information System (GIS) merupakan sistem yang berasaskan komputer yang khas direkabentuk untuk menyokong perolehan, penyimpanan, pengolahan, penganalisaan dan pemaparan data spatial. Data-data yang dianalisis boleh terdiri daripada data-data spatial dan data-data atribut.

Pangkalan data merupakan teras kepada setiap implementasi GIS tidak kira apa jenis perisian GIS yang digunakan. Pangkalan data penting untuk kemudahan pertanyaan pengguna dan seterusnya memberikan hasil analisa yang tepat kepada pengguna.

Walau bagaimanapun terdapat banyak tanggapan tentang sistem maklumat geografi sama ada dari segi definisi, komponen, keupayaan serta aplikasinya (Ruslan et al, 1998:16).



Rajah 2.1: Sistem Maklumat Secara Ringkas ,*Sumber: Ruslan Et Al (1998:17)*

Sistem maklumat geografi boleh didefinisikan dengan pelbagai cara kerana terdapat pendekatan yang berlainan dan pengguna yang terdiri daripada pelbagai bidang. Clarke (1997) telah mencadangkan definisi yang umum iaitu GIS sebagai data ruangan yang unik yang boleh dihubungkan kepada peta geografi. Secara ringkasnya GIS boleh dikatakan sebagai sebuah pangkalan data, sebuah maklumat, dan cara menghubungkan kedua-dua pangkalan data dan maklumat.

Beberapa pendekatan lain boleh digunakan untuk menghuraikan GIS iaitu termasuklah :

2.2 GIS Sebagai Kotak Alatan (Toolbox)

GIS dilihat sebagai alat untuk menganalisis data ruangan. Secara amnya, GIS ialah alat memberi keupayaan dalam mengendalikan data ruangan. Burrough (1986) mendefinisikan GIS sebagai "Satu set alat yang berkuasa untuk mengumpul, menyimpan, mendapat semula sesuka hati, mengubah atau mentranformasi, dan memapar data ruangan dari dunia sebenar." Di sini GIS ditekankan sebagai alat yang direkabentuk untuk menyelesaikan masalah khusus. Jika dilihat GIS dari sudut fungsi, Clarke (1995:13) mendefinisikan GIS sebagai "Satu sistem bantuan komputer untuk mengumpul, menyimpan, mendapat semula, menganalisis dan memapar data ruangan."

2.3 GIS Sebagai Sistem Maklumat (Information System)

Jack Estes and Jeffrey Star (1990:2) mendefinisikan GIS sebagai "sebuah sistem maklumat yang direkabentuk untuk mengendalikan data berkaitan dengan ruangan dan koordinat geografi. Dengan kata lain, GIS ialah kedua-duanya sebagai sistem pangkalan data, dengan keupayaan mengendalikan data ruangan rujukan, dan sebagai satu set operasi mengendalikan data."

GIS sebagai sistem maklumat juga didefinisikan oleh Duecker (1979:6) sebagai *"Satu kes sistem maklumat yang khas yang mana pangkalan data mengandungi pengamatan tentang sifat (features), aktiviti dan kejadian (events) yang bertaburan mengikut ruang yang didefinisikan dalam ruang sebagai titik, garisan, atau kawasan. Sistem maklumat geografi mengolah data tentang titik, garisan dan kawasan ini untuk mendapatkan semula data untuk pertanyaan dan analisis secara ad-hoc."* Sistem maklumat yang khas di sini bermakna GIS mempunyai teknologi sistem maklumat. GIS tidak mencipta pengurusan pangkalan data yang mana sudah wujud dalam bidang sains komputer. Mengikut Duecker, pangkalan data sendiri mengandungi satu set pengamatan, yang merupakan pendekatan pengukuran saintifik. Ahli sains mengambil ukuran dan mencatatkan ukuran ke dalam sistem yang dapat membantu menganalisis data.

Pengamatan yang dijalankan adalah pengamatan tentang sifat, aktiviti dan kejadian. Sifat (feature) adalah istilah kartografi tentang benda yang diletak pada peta. Sifat titik mewakili sesuatu lokasi; sifat garis mewakili beberapa lokasi sepanjang garisan, contohnya jalan dan sungai; sifat kawasan pula mewakili garis yang tertutup, contohnya tasik, lot tanah dan sebagainya. "Aktiviti" mempunyai hubungan dengan sains kemasyarakatan. Aktiviti manusia menjanakan taburan dan corak geografi. Ini memberikan peta taburan penduduk, peta banci, lokasi infrastruktur dan sebagainya yang menunjukkan kehidupan harian manusia. "Kejadian" dalam GIS menunjukkan data geografi bukan sahaja mempunyai dimensi ruang tetapi juga masa. Masa merupakan dimensi keempat yang menjadi sebahagian dalam data, dapat menunjukkan perubahan yang berlaku pada sesuatu sifat pada tempoh tertentu.

2.4 GIS Sebagai Pendekatan Kepada Sains

Sebagai alat dan sistem maklumat, GIS telah mengubah pendekatan dalam analisis data ruangan. Sejajar dengan perkembangan teknologi ukur tanah, *remote sensing*, *air photos*, *global positioning system* (GPS), komputer dan komunikasi mudah alir telah menjadikan GIS berkembang dengan pesat. Teknologi GIS telah menjadi semakin mudah, murah dan telah diguna secara meluas dalam bidang perhutanan, antropologi, epidermiologi dan perniagaan. Perubahan ini telah menjadikan GIS sebagai sebuah pendekatan sains baru. Goodchild (1992) memanggil pendekatan sains ini sebagai sains maklumat geografi (*geographical information science*) dan mendefinisikan sebagai "isu berhubung dengan teknologi GIS, menghalang kejayaan pelaksanaan, atau wujudkan pemahaman tentang potensi keupayaannya." Beliau juga menyatakan ini meliputi penyelidikan dalam (*research on*) GIS dan penyelidikan dengan (*research with*) GIS.

2.5 Rekabentuk Pangkalan Data Dalam Sistem Kitaran Hidup Maklumat

Mengikut Batini et al (1992), rekabentuk pangkalan data memainkan peranan penting dalam kitaran hidup sistem maklumat (*information systems life cycle*). Rekabentuk sebuah sistem maklumat adalah aktiviti kompleks meliputi perancangan, spesifikasi, pembangunan setiap komponen sistem. Pembahagian tipikal kitaran hidup sistem maklumat adalah merangkumi peringkat kajian kemungkinan, pengumpulan keperluan dan analisis, rekabentuk, model percubaan (*prototyping*), pelaksanaan, pengesahan dan pengujian, dan operasi.

Kajian Kemungkinan (Feasibility Study)

Kajian kemungkinan adalah menentukan keberkesanan dari segi kos daripada pelbagai alternatif dalam rekabentuk sistem maklumat serta menentukan keutamaan daripada pelbagai komponen sistem.

Pengumpulan Keperluan dan Analisis (Requirement Collection and Analysis)

Pengumpulan keperluan dan analisis berkenaan dengan pemahaman misi sistem maklumat, iaitu aplikasi terhadap penyelesaian masalah dengan sistem tersebut. Fokus peringkat ini adalah menentukan keperluan pengguna sistem dan keperluan ini dikumpul melalui spesifikasi keperluan (requirement specifications).

Rekabentuk

Rekabentuk berkenaan dengan spesifikasi struktur sistem maklumat. Berbeza daripada rekabentuk pangkalan data dengan rekabentuk aplikasi, rekabentuk pangkalan data adalah rekabentuk struktur pangkalan data, manakala rekabentuk aplikasi pangkalan data adalah rekabentuk program aplikasi.

Model Percubaan (Prototyping)

Kebanyakan perisian mempunyai alat membangunkan model percubaan. Model percubaan membolehkan pengguna sistem mengesahkan keupayaan sistem maklumat memuaskan keperluan pengguna. Model percubaan yang berguna dapat membantu mengubahsuai keperluan sistem menurut pengalaman praktikal.

Pelaksanaan

Pelaksanaan berkenaan dengan kerja memprogram pada peringkat akhir, dan mengoperasikan versi sistem maklumat. Pada peringkat ini, pelaksanaan alternatif dibanding dan disahkan supaya sistem akhir dapat memenuhi keperluan.


Pengesahan dan Pengujian (validation and testing)

Pengesahan dan pengujian adalah proses memastikan setiap peringkat rekabentuk diterima kualitinya dan transformasi yang tepat dari peringkat sebelumnya berlaku.

Operasi

Operasi bermula dengan kemasukan data dan berakhir apabila sistem menjadi usang dan perlu diganti. Semasa operasi berjalan, penyelenggaraan perlu dijalankan supaya sistem dapat menyesuaikan dengan keadaan baru, fungsi baru dan membetulkan kesalahan yang tidak dikesan semasa pengesahan.

Kitaran hidup adalah suatu rangka kerja rujukan. Dalam dunia rekabentuk projek sebenar, perbezaan antara fasa rekabentuk adalah kabur dan tidak diikuti sepenuhnya. Walaubagaimanapun, kitaran hidup menunjukkan rekabentuk pangkalan data harus didahului dengan analisis keperluan, dijalankan sejajar dengan rekabentuk aplikasi, diikuti oleh pelaksanaan sama ada model percubaan atau sistem akhir.



Rajah 2.2: Kitaran hidup sistem maklumat mengikut *Batini et al (1992)*

2.6 Konsep Pangkalan Data

Bahagian ini membincangkan konsep serta terminologi yang digunakan dalam kerja-kerja pembangunan pangkalan data GIS. Antara terminologi yang berkaitan dengan pembangunan pangkalan data GIS ialah :

- a) Aksara - Merupakan huruf, nombor ataupun aksara khas,
- b) Medan - Merupakan siri atau kumpulan ciri (huruf atau nombor) yang mempunyai makna,

- c) Rekod - Merupakan set logik yang berkaitan dengan satu atau lebih medan yang menerangkan mengenai seseorang, tempat ataupun benda,
- d) Fail - Merupakan koleksi rekod-rekod yang berkenaan.

Pangkalan data dibina bagi menghapuskan lewahan data (data redundancy) atau data yang bertindih atau berlebihan. Ia juga dibina bagi menyepadukan data yang sedia ada. Selain itu, pangkalan data dibina supaya data yang ada dapat dikongsi oleh semua pengguna. Dengan pangkalan data, penggunaan fail data menjadi lebih mudah, mengurangkan kos pengurusan data, dapat menyelaraskan penggunaan dan pengurusan data, menjaga keselamatan data dari dicapai oleh sebarang pengguna, pengawalan data secara berpusat dan dapat meningkatkan kejituan data. Dalam membangunkan pangkalan data, ianya mengandungi tiga peringkat iaitu rekabentuk pangkalan data, penyediaan (pengumpulan dan perolehan) data dan pembangunan pangkalan data

Peringkat rekabentuk pangkalan data ini melibatkan beberapa fasa seperti rekabentuk konseptual, rekabentuk logikal dan rekabentuk fizikal. Ketiga-tiga fasa berkenaan adalah bertujuan untuk membuat penentuan spesifikasi, perhubungan antara data dan sumber data dalam pangkalan data.

2.7 Pengenalan Terhadap Penyediaan Data

Penyediaan data dibuat berdasarkan kepada analisis yang akan dilakukan. Data-data yang telah dikumpul digunakan sebagai sumber untuk pembangunan pangkalan data. Umumnya, terdapat dua jenis pangkalan data yang dibangunkan iaitu

pangkalan data spasial dan pangkalan data atribut. Penyediaan data sangat kritikal kerana peringkat kemasukan dan pemprosesan data bergantung pada jenis data yang diperolehi sama ada ianya berbentuk digital atau salinan keras (pelan atau peta). Peringkat pembangunan pangkalan data melibatkan tiga tahap utama iaitu :-

- a) pengumpulan data - pengumpulan data yang merangkumi data spasial dan data atribut.
- b) penyediaan data - proses suntingan diperlukan yang mana melibatkan data-data spasial dan atribut sebelum data tersebut dimasukkan ke dalam pangkalan data.
- c) kemasukan data - proses kemasukan data melibatkan data spasial dan juga data atribut. Data yang telah melalui proses suntingan dimasukkan ke dalam pangkalan data bagi melaksanakan proses selanjutnya.

2.8 Sistem Pendidikan

2.8.1 Sistem Pendidikan Kebangsaan

Sistem Pendidikan Kebangsaan dilaksanakan untuk memberikan pendidikan yang paling bawah ke tahap yang paling tinggi dan menghasilkan pelajar yang berilmu,

bermoral dan berakhlak tinggi, beradab dan bersopan supaya dapat menjadi seorang individu yang boleh menjadi warganegara yang berkualiti.

Sistem Pendidikan Kebangsaan di peringkat sekolah di bawah kategori institusi pendidikan kerajaan terdiri daripada:

- a) Pendidikan pra-sekolah - program pendidikan bagi murid berumur dari 4 hingga 6 tahun
- b) Pendidikan rendah - kursus pengajian pada peringkat rendah yang direncanakan bagi tempoh 6 tahun tetapi yang boleh tamat diikuti dalam tempoh antara 5 hingga 7 tahun dan ia terdiri daripada sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan
- c) Pendidikan menengah - terdiri daripada pendidikan menengah rendah dan menengah iaitu sekolah akademik, sekolah teknik dan vokasional dan sekolah kebangsaan agama
- d) Pendidikan lepas menengah - disediakan kepada individu yang telah mengikuti pendidikan menengah rendah dan atas tetapi tidak termasuk pendidikan tinggi

Bagi kategori institusi pendidikan bantuan kerajaan pula adalah Sekolah Berasrama Penuh yang dipertanggungjawabkan kepada Unit Sekolah Berasrama Penuh bahagian Sekolah. Kategori. Institusi pendidikan lain di peringkat persekolahan yang ditubuhkan adalah Sekolah Pendidikan Khas di bawah Jabatan Pendidikan Khas serta Sekolah Sukan oleh Bahagian Sukan.

2.8.2 Sekolah Rendah

Pendidikan di peringkat ini bertujuan memberi asas kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) yang kukuh kepada kanak-kanak. Di samping itu, kurikulum pra-pendidikan juga menitikberatkan nilai dan kemahiran berfikir. Terdapat dua jenis sekolah rendah iaitu sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Bahasa pengantar di sekolah kebangsaan adalah Bahasa Malaysia manakala di sekolah jenis kebangsaan bahasa pengantar yang digunakan ialah sama ada Bahasa Cina atau Bahasa Tamil. Bahasa Malaysia merupakan mata pelajaran yang wajib di semua sekolah manakala Bahasa Inggeris diajar sebagai bahasa kedua. Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan bahasa Pribumi juga diajarkan di sekolah kebangsaan.

Dari Tahun I hingga ke Tahun VI, murid-murid dinaikkan secara automatik. penilaian yang berterusan dibuat oleh pihak sekolah untuk mengawasi kemajuan dan memastikan mereka memperolehi kemahiran asas. Mengikut Akta Pendidikan 1996, pendidikan rendah yang dirancang selama enam tahun boleh ditamatkan di antara lima sehingga tujuh tahun. Penilaian Tahap Satu (PTS) telah diperkenalkan untuk mengenalpasti murid-murid yang berkebolehan menamatkan pendidikan rendah dalam masa lima tahun.

2.8.3 Sekolah Berkesan / Sekolah Harapan Negara

Sekolah yang berkesan adalah sekolah yang menyumbangkan kepada persekitaran dan situasi pembelajaran kanak-kanak dengan lebih produktif untuk perkembangan minda yang sihat.

2.8.4 Definisi Sekolah Berkesan

Menurut Kamus Dewan, terminologi sekolah adalah tempat untuk belajar dan mengajar manakala perkataan kesan ditakrifkan sebagai tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu.

Mengikut Hussein Mahmood (1993), "Keberkesanan sekolah (*school effectiveness*) lazimnya diukur dan dinilai dari segi kejayaan atau pencapaian sekolah dalam peperiksaan di samping mewujudkan rasa kepuasan bekerja (*job satisfaction*) dalam sesebuah sekolah itu. Dalam kajian ini pengkaji menekankan pencapaian sekolah dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 1996 sebagai indikator keberkesanan sekolah. Sekolah yang mencapai kelulusan dalam peperiksaan UPSR melebihi 50% tahun 1996 dianggap sebagai sekolah berkesan, sementara sekolah yang kurang daripada 50% kelulusan dalam peperiksaan UPSR tahun 1996 dianggap kurang berkesan. Ini selari dengan '*goal model*' yang diperkenalkan oleh Mackenzie (1983) yang mengandaikan sekolah yang dikatakan 'sekolah berkesan' ialah apabila pencapaian murid-muridnya di dalam akademik tinggi.

2.8.5 Pengertian Sekolah Berkesan menurut Kementerian Pendidikan Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia dicerminkan melalui berbagai-bagai anugerah yang diberikan kepada sekolah pada peringkat negeri dan juga pada peringkat kebangsaan. Dalam konteks negara Malaysia, pengertian sekolah berkesan mestilah berlandaskan aspirasi yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara, dan dalam Wawasan 2020. Kriteria yang digunakan adalah merangkumi perkara-perkara seperti

kesamarataan dalam memberikan pengajaran kepada semua tahap kecerdasan pelajar dan kebajikan pelajar, pemupukan perpaduan yang berbilang kaum melalui kurikulum dan ko-kurikulum, proses pembelajaran dan pengajaran serta menghasilkan persekitaran masyarakat penyayang dan harmoni dengan sentiasa bekerjasama dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Ini terpulang kepada bagaimana sesebuah sekolah itu mentadbir, mengurus dan mengendalikan hal ehwal pelajar dan kakitangan sekolah.

"Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan penghargaan khas kepada sekolah yang cemerlang dalam pencapaian akademik yang digelar sebagai 'Sekolah Harapan Negara'. Oleh itu, persaingan yang sihat dapat dilihat di antara sekolah-sekolah untuk memastikan pencapaian para pelajarnya di dalam bidang akademik meningkat bukan saja dan segi kuantiti tetapi juga kualiti. Maka, istilah 'keberkesanan sekolah' yang lazimnya diukur dan dinilai dan segi kejayaan atau pencapaian di dalam peperiksaan. Sekolah-sekolah yang tidak mencapai tahap akademik yang tinggi, lazimnya dikategorikan sebagai sekolah-sekolah yang kurang berkesan".

(Hussein Mahmood, 1993)

Sekolah berkesan adalah tidak dinilai semata-mata bersandarkan pencapaian akademik sahaja. Malah ia akan dinilai kefungsiannya memberikan pendidikan kepada pelajar yang meliputi dari pelbagai aspek kerana setiap sekolah diwujudkan adalah untuk membentuk disiplin, sahsiah dan kepimpinan. Usaha-usaha mencapai matlamat sekolah berkesan dapat dilihat melalui gagasan-gagasan seperti mewujudkan sekolah berkesan; Sekolah Bestari, Sekolah Wawasan, Sekolah Harapan, Sekolah Contoh dan sebagainya.

Anugerah Sekolah Harapan Negara mengiktiraf model sekolah contoh dalam konteks semasa yang dapat dimanfaatkan oleh sekolah lain untuk menilai secara ikhtisas terhadap pencapaian dan cabaran dialami oleh pendidik sekolah berkenaan dalam melaksanakan tanggungjawab pendidikan. Penganugerahan itu bertujuan memupuk,

memperkembangkan dan menyuburkan perasaan perpaduan di kalangan guru bagi mencapai tahap profesion keguruan yang tinggi dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab mereka. Anugerah ini terbahagi kepada beberapa kategori iaitu sekolah Menengah Bandar, Sekolah Menengah Luar Bandar, Sekolah Rendah Bandar dan Sekolah Rendah Luar Bandar.

2.8.6 Kementerian Pendidikan Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia ditubuhkan di bawah Kerajaan Persekutuan Malaysia melalui Dasar Ekonomi Baru dan berpusat di Pusat Damansara, Kuala Lumpur. Ia mempunyai 24 buah jabatan dan bahagian yang berperanan untuk mentadbir dan menguruskan sistem pendidikan di Malaysia antaranya termasuklah Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara, Institut Terjemahan Negara Malaysia dan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Ini termasuklah pendidikan rendah di mana ia diletakkan di bawah Jabatan Sekolah dan dibantu oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah Negeri masing-masing. Misi KPM adalah untuk membangunkan pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia.

Matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk:

- a) Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu
- b) Melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketrampilan dan sejahtera
- c) Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara
- d) Memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia

2.8.7 Falsafah Pendidikan Negara

Falsafah Pendidikan Negara lahir daripada proses yang agak panjang iaitu satu proses pembinaan bangsa dan negara Malaysia semenjak merdeka lagi. Falsafah ini telah dirumuskan pada tahun 1988 dan disebut dalam Akta Pendidikan 1996 iaitu:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara ”.

Berdasarkan falsafah ini, maka pendidikan di Malaysia menjadi satu agenda negara yang penting untuk bersaing dan menyumbangkan kemajuan dan kejayaan kepada negara dari segi intelektual dan kepimpinan sejagat.

2.8.7 Jabatan Pendidikan Johor

Jabatan Pendidikan Johor terletak di Jalan Tun Razak, Johor Bahru. Jabatan pendidikan Johor bertanggungjawab menjalankan dan mentadbir aktiviti-aktiviti pendidikan di sekolah-sekolah melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan yang sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru untuk mewujudkan suatu masyarakat yang taat setia,

berdisiplin dan bersatu padu bagi mencapai dan mengekalkan keharmonian serta membolehkan bagi melaksanakan perancangan pembelanjaan serta penghasilan yang produktif selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Jabatan Pendidikan Johor mempunyai beberapa bahagian atau sektor iaitu:

- a) *Sektor Pengurusan Sekolah* mengandungi Unit Sekolah Menengah, Unit Sekolah Rendah, Unit Perhubungan, Pendaftaran dan Swasta, Unit Pra Sekolah dan Unit Pendidikan Khas
- b) *Sektor Pengurusan Akademik* mengandungi Unit Kurikulum/KBSR dan Unit Penilaian & Peperiksaan
- c) *Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan* mengandungi Unit Hal Ehwal Murid, Unit Kokurikulum dan Unit Pencegahan Dadah
- d) *Sektor Pengurusan Pembangunan Perkhidmatan Pendidikan* mengandungi Unit Perkhidmatan, Tadbiran dan Kewangan, Unit Perancangan, Pembangunan, Bekalan dan Penswastan dan Unit Maklumat. Di bawah Unit Perkhidmatan, Tadbiran dan Kewangan terdapat 3 Unit-Unit Kecil iaitu Unit Kecil Perkhidmatan (Naik Pangkat, Perjawatan, Tatatertib dan Perkhidmatan), Unit Kecil Kewangan (Sekolah dan Jabatan) dan Unit Kecil Tadbiran (Tadbiran AM dan Pencen)
- e) *Sektor Pendidikan Islam Dan Moral* mengandungi Unit Pengurusan, Unit Dakwah dan Unit Kurikulum

2.8.8 Sekolah Kebangsaan Sri Skudai

Sekolah ini terletak di kawasan Taman Sri Skudai di mana kedudukannya di persimpangan Jalan Pontian ke Johor-Bahru. Kawasan yang berhampiran dengan sekolah ini adalah Sekolah Menengah Skudai dan Universiti Teknologi Malaysia. Bangunan sekolah ini telah dibina dalam tahun 1982 dan secara rasminya memulakan peranannya sebagai sebuah institusi pendidikan pada 8 Mei 1983.

